

05/05/1997

Tiada rancangan rombak Kabinet (HL)

Zainuddin Ayip in Gaborone (Botswana)

GABORONE (Botswana), Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum ada rancangan menyusun semula Kabinet, tetapi akan melantik seorang menteri baru menggantikan Datuk Abu Hassan Omar yang bakal dilantik Menteri Besar Selangor.

Menurut Perdana Menteri, jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang dikosongkan oleh Abu Hassan perlu diisi. Pada masa ini jawatan itu dipangku oleh Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed.

"Kalau Abu Hassan dah tak ada, saya kena cari orang lain (untuk menggantikannya)," katanya kepada wartawan Malaysia ketika ditemui, di sini malam tadi.

Dr Mahathir yang kini dalam rangka lawatan ke Botswana, tiba di sini dari Malawi semalam. Esok, beliau dijangka menyampaikan ucapan di Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 97 (SAID).

Pelantikan Abu Hassan sebagai bakal Menteri Besar Selangor bagi menggantikan Tan Sri Muhammad Muhd Taib, diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Jumaat lalu.

Semalam, ketika mengulas mengenai kriteria pemilihan Abu Hasan, Dr Mahathir berkata beliau memilih pengganti yang bersih, seorang yang beliau kenali dan mempunyai kebolehan.

Ketika ditanya sama ada beliau akan membuat pertukaran tambahan kepada Kabinet, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak fikir begitu."

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan membuat perubahan Kabinet jika diperlukan kemudian.

"Saya tidak mahu bercakap sesuatu yang kemudian mungkin dianggap saya tidak bercakap benar, tetapi pada masa ini saya tidak berhasrat untuk membuat perubahan Kabinet," katanya.

Ditanya mengenai hasil perbincangannya dengan Presiden Botswana, Sir Ketumile Masire, semalam, Dr Mahathir berkata negara Afrika yang muncul sebagai pasaran berpotensi kepada pelabur itu menunjukkan minat mengadakan usaha sama dengan syarikat Malaysia dalam industri pembinaan.

Menurutnya, Kerajaan Botswana mengenal pasti industri pembinaan sebagai sektor penting dalam pembangunan ekonominya dan sudah memperuntukkan dana untuk pembinaan rumah bagi rakyat tempatan.

"Mereka beranggapan jika syarikat pembinaan asing boleh mengadakan usaha sama dengan rakan kongsi tempatan di sini, mereka akan mengalu-alukan perkara itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, Botswana juga sudah mengenal pasti bidang kerjasama lain seperti menyediakan kemudahan prasarana dalam industri pelancongan.

Dr Mahathir berkata, syarikat Malaysia juga boleh menceburi bidang pembinaan jalan raya kerana rakyat negara itu mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang berkenaan.

"Ada banyak bidang selain industri berintensifkan buruh di negara itu kerana mereka mempunyai kadar pengangguran yang tinggi dan mereka mahukan pelaburan yang membolehkan rakyatnya mendapat pekerjaan," katanya.

Beliau berkata, Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia, iaitu dua syarikat penerbangan Malaysia boleh menimbangkan untuk mengembangkan perkhidmatan ke Botswana dan Malawi apabila pelaburan Malaysia ke negara itu bermula.

Beliau berkata, British Airways menggunakan pesawat besar ke destinasi

itu kerana minat komersil mereka yang besar di negara-negara berkenaan.  
(END)